

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JUL 2006 – NOV 2006

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh :

NOOR HIDAYAH BINTI AHMAD SANI

2002286335
bertajuk

LAPORAN

CADANGAN REKABENTUK DALAMAN
PUSAT REKABENTUK LABU SAYONG
DI NO 2 JALAN SULTAN AZLAN SHAH
30250 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : En Azizul Azli bin Ahmad _____

Koordinator : Cik Mawar Binti Masri _____

Koordinator Program : Prof. Madya. Rusni Abdul Ghani @ Abdul Rani _____

ABSTRAK

Dalam menghasilkan sesuatu rekabentuk, penggunaan pancaindera memainkan peranan penting dalam menganalisa berdasarkan apa yang dilihat, didengar, disentuh dan dirasa. Kombinasi ini akan menghasilkan idea rekabentuk yang berjaya. Ia juga haruslah dilihat dari pelbagai aspek sama ada luaran mahupun dalaman.

Penggunaan elemen-elemen yang sesuai amat penting dalam penghasilan sesuatu rekabentuk bagi mendapatkan kesinambungan antara konsep projek yang ingin ditonjolkan. Dengan cara ini penghasilan sesuatu rekabentuk dapat memenuhi keperluan pengguna. Justeru itu, satu perancangan yang teliti telah dibuat sebelum merekabentuk cadangan yang baru. Secara keseluruhannya, rekabentuk baru yang dibuat haruslah menepati ciri-ciri dan kehendak penggunaanya serta bersesuaian dengan konsep yang ingin diterapkan.

Pusat Rekabentuk Labu Sayong ini ditubuhkan sebagai salah satu penyumbang kepada masyarakat dalam memperluaskan lagi ilmu pengetahuan tentang proses pembuatan labu sayong selaras dengan saranan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWA). Oleh itu, rekebentuknya haruslah menyentuh kepada aspek praktikaliti dan juga nilai estetik. Dengan adanya pusat ini dapat membantu masyarakat untuk mengunjungi pusat rekabentuk labu sayong ini sebagai satu cabang seni disamping dapat mempromosikan produk serta jenis-jenis labu sayong yang terdapat di pusat ini.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

BAB	1.0	PENGENALAN	1
	1.1	PENGENALAN KAJIAN	2 - 10
	1.2	KLIEN	11 - 14
BAB	2.0	PROJEK	15
	2.1	PENGENALAN PROJEK	15 - 24
	2.2	KAJIAN KES	25 - 34
	2.3	ANALISA TAPAK	35 - 37
	2.4	ANALISA BANGUNAN	36 - 40
	2.5	RUMUSAN PENEMUAN	41
BAB	3.0	CADANGAN REKABENTUK	42
	3.1	OBJEKTIF REKABENTUK	42
	3.2	KONSEP REKABENTUK	43 - 50
	3.3	PERANCANGAN RUANG	51 - 55
	3.4	SISTEM PENCAHAYAAN	56
	3.5	SISTEM PENGUDARAAN	57
BAB	4.0	KESIMPULAN	58
	4.1	PELAN CADANGAN	58 - 59
	4.2	LUKISAN CADANAGAN FASAD DAN PANDANGAN SISI	60 - 61
	4.3	LUKISAN CADANGAN DAN KERATAN A-A DAN B-B	62 - 63
	4.4	LUKISAN CADANGAN PERSPEKTIF	64 - 66
	4.5	RUMUSAN DAN CADANGAN	67
		SENARAI RUJUKAN	68
		LAMPIRAN	69



BAB 1.0 PENGENALAN

PENGENALAN KEDAI

Kedai merupakan tempat yang sering dikunjungi oleh pelanggan apabila ingin mendapatkan sesuatu yang diperlukan bagi memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan. Hal ini demikian, setiap kedai yang wujud di Malaysia ini mempunyai pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan baik dari segi layanan ataupun jenis barangan yang dipasarkan oleh sesebuah kedai tersebut

SEJARAH LABU SAYONG

Menurut cerita, dipercayai bahawa labu telah dibawa ke Sayong oleh Tuk Kaluk yang datang dari Minangkabau dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar. Tuk Kaluk merupakan salah seorang yang mempunyai hubungan yang intim dengan istana, dikatakan telah dianugerahi tanah oleh sultan di Kampung Kepala Bendang sebagai menghargai kepandaiannya membuat hasil pertukangan seperti pedang, parang, keris dan juga tembikar. Sejak itu Tuk Kaluk menyumbangkan kebolehannya membuat labu kepada penduduk kampung. Lama-kelamaan penduduk di kampung ini pandai membuat labu hingga ke hari ini. Penggunaan tembikar dalam kehidupan seharian memang meluas. Labu Sayong bukan sahaja digunakan oleh golongan rakyat biasa malahan golongan istana turut juga menggunakannya, sebagaimana yang dicatat oleh Raja Chulan dalam Misa Melayu. Sewaktu Sultan Iskandar Zulkarnain menghilir sungai dari istana Pulau Cempaka Sari, baginda turut membawa tembikar tanah ini yang digunakan sebagai bekas air minuman dan untuk bersiram.



1.1 PENGENALAN KAJIAN

1.1.1 MATLAMAT

Seiring dengan peredaran semasa, pengusaha Labu Sayong ini ingin mengembangkan lagi perusahaan mereka agar dapat membangun dan mempromosikan barangan Kraftangan Labu Sayong ke mata dunia di samping dapat menjadi pemimpin dalam pertubuhan, pembangunan dan promosi industri Kraf Labu Sayong yang kukuh dan berdaya saing

1.1.2 OBJEKTIF

Objektif untuk merekabentuk Pusat Rekabentuk labu Sayong adalah untuk:

- a) Menyediakan satu rebentuk dalaman Pusat labu Sayong yang boleh berfungsi dengan efisien seta mempunyai konsep yang bersesuaian dan dapat menampung aktiviti yang berkaitan.
- b) Mewujudkan kelainan citarasa dan suasana kepada setiap pengunjung yang datang supaya tidak merasa bosan di samping menikmati perkhidmatan yang disediakan.
- c) Mewujudkan satu rekabentuk ruang serta perancangan yang dinamik serta bersistematik.
- d) Menjadikan kedai ini sebagai tarikan para pelanggan yang datang berkunjung dimana mereka dapat menyaksikan teknik – teknik pembuatan Labu Sayong ini dihasilkan.
- e) Kemudahan ruangan pameran dan jualan yang lebih sistematik.